

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA  
BIL. 9 TAHUN 2021**

**Tarikh** : **27 Ogos 2021 (Jumaat)**

**Masa** : **9.30 pagi – 10.50 pagi**

**Tempat** : **Secara Dalam Talian  
(Aplikasi Zoom *Meeting*)**

**Kehadiran** : **Seperti di Lampiran A**

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

**2.0 TAYANGAN AKTIVITI BULAN OGOS 2021**

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Ogos 2021.

### **3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR**

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang kesembilan bagi tahun 2021 yang dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Semua ahli mesyuarat diminta untuk mengaktifkan video dan memaparkan wajah sebenar sepanjang mesyuarat berlangsung bagi memastikan keberadaan semasa mesyuarat. Ahli mesyuarat juga perlu memastikan mikrofon dimatikan agar tidak mengganggu sesi mesyuarat. Sekiranya ahli mesyuarat ingin menyuarakan pendapat, maka mikrofon boleh dihidupkan untuk tujuan tersebut.
- ii) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.

- iv) Datuk Bandar memaklumkan berkenaan Bulan Kemerdekaan Malaysia Ke-64. Dalam waktu rakyat sedang mengharungi krisis COVID-19, Hari Kebangsaan Malaysia juga akan tiba pada 31 Ogos akan datang. Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini masih mengekalkan tema yang sama seperti tahun lepas iaitu Malaysia Prihatin. Tema ini dikekalkan sebagai menghargai keprihatinan, kesungguhan, ketabahan dan semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat Malaysia dalam mengharungi cabaran dan memerangi pandemik COVID-19 semenjak lebih setahun yang lalu.

Negara masih berada dalam tempoh yang agak mencabar susulan wabak COVID-19. Semangat juang tinggi pemimpin dan nenek moyang dalam menuntut kemerdekaan negara yang penuh ranjau dan berliku perlu dijadikan iktibar serta inspirasi kepada rakyat Malaysia. Kali ini negara sedang berperang dengan musuh yang sukar dilihat dan lebih berbahaya.

Rakyat Malaysia perlu kembali kepada prinsip-prinsip Rukun Negara yang menerapkan nilai-nilai murni yang berasaskan kedamaian, kesejahteraan, perpaduan, kesetiaan kepada Raja dan Negara, bersikap toleransi antara satu sama lain dan semangat patriotisme yang jitu supaya kita semua dapat hidup bersatu padu tanpa sebarang sengketa.

Semangat patriotisme perlu disuburkan dalam setiap jiwa rakyat iaitu perasaan cinta yang mendalam dalam diri kepada negara tanah tumpah darah kita ini. Melalui semangat cintakan negara yang sentiasa diperteguhkan, akan dapat mengekalkan kehidupan yang harmoni, saling mengasihi dan bersatu hati dalam kalangan rakyat meskipun berlainan kaum, agama dan latarbelakang. Perasaan cinta kepada negara inilah yang boleh menjadi tali pengikat utama kepada perpaduan bangsa di negara ini.

Jalur Gemilang merupakan lambang kedaulatan dan kemerdekaan negara. Ia bukan sekadar selembur kain yang mencorakkan perlembangan negara. Ayuhlah rakyat Malaysia tunjukkan cinta setia kepada negara dengan mengibarkan Jalur Gemilang di rumah, pejabat, premis perniagaan, kereta dan di mana-mana tempat bersesuaian dengan penuh bangga bahawa Malaysia ini tanah tumpah darah kita.

Semoga rakyat Malaysia akan terus bersatu tidak kira bangsa untuk kemajuan negara pada masa hadapan yang cemerlang dan gemilang. Hargailah hasil daripada perjuangan orang-orang sebelum kita demi masa depan anak cucu kita.

Sambutlah Hari Kemerdekaan tahun ini dengan lebih bersemangat dengan jiwa yang penuh semangat patriotisme. Selamat menyambut Hari Kebangsaan 2021 kepada semua rakyat Malaysia. Merdeka!

- v) Beliau turut memaklumkan data berkaitan kes demam denggi di kawasan pentadbiraan MBSJ. Sehingga Minggu Epid 33 iaitu sehingga 21 Ogos 2021, terdapat sebanyak 1,384 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Pada minggu epid 23 iaitu daripada 15 Ogos 2021 hingga 21 Ogos 2021 terdapat 4 lokaliti hotspot denggi dilaporkan iaitu di lokasi USJ 11/3, USJ 2/2, Taman Perindustrian SIME UEP Subang (Jalan TP) dan USJ 16 (Sri Tanjung).

Pembiakan nyamuk aedes dikhuatiri berada di dalam dan persekitaran rumah kes. Masyarakat diminta memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bebas dari tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa 10 minit seminggu sekali untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes di dalam dan sekitar premis masing-masing.

- vi) Datuk Bandar turut berkongsi maklumat berkenaan kes covid-19. Sehingga 22 Ogos 2021 terdapat sebanyak 1,555,093 kes positif kes positif Covid 19 dilaporkan di seluruh Malaysia dengan sebanyak 14,168 kes kematian.

Di Selangor sehingga 22 Ogos 2021 terdapat 557,510 kes positif Covid 19 dengan sebanyak 167,369 kes di daerah Petaling dan sebanyak 45,455 kes adalah di kawasan pentadbiran MBSJ.

Sejak pandemik ini bermula, sebanyak 207 kes positif Covid 19 telah dilaporkan di kalangan kakitangan MBSJ. Bagi tempoh semasa, terdapat 27 kes aktif Covid 19 di kalangan kakitangan MBSJ dilaporkan.

Sehingga kini, seramai 1,479 sebanyak 97.82% kakitangan MBSJ telah menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin Covid 19. Seramai 1,431 sebanyak 96.64% kakitangan MBSJ telah lengkap menerima 2 dos vaksin Covid 19.

Walaupun telah menerima suntikan vaksin Covid 19, masyarakat diingatkan untuk terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S iaitu Sesak, Sempit, Sembang Dekat dan mengamalkan 3W iaitu Wash (kerap basuh tangan / guna handsanitizer), Wear (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), Warn (tidak bersalaman, etika batuk / bersin, disinfeksi, periksa suhu badan).

- vii) Datuk Bandar juga memaklumkan berkenaan program Majlis. Bersempena sambutan bulan kemerdekaan yang ke 64 dengan tema 'Malaysia Prihatin', Majlis akan melaksanakan program-program seperti yang berikut :

- a) Pertandingan Lagu Patriotik Generasi Bestari MBSJ 2021

Pertandingan secara dalam talian ini terbuka kepada nyanyian individu daripada murid-murid sekolah Menengah dan Rendah di kawasan pentadbiran MBSJ. Pertandingan akan bermula pada

27 Ogos 2021 sehingga 5 September 2021. Hadiah bagi kedua-dua kategori berupa RM 500.00 bagi tempat pertama, RM 400.00 bagi naib johan, RM 300.00 bagi tempat ketiga, RM 100.00 saguhati dan RM 200.00 bagi Anugerah Khas Bintang Popular.

Setiap peserta perlu mengikuti akaun rasmi pihak Majlis iaitu facebook : Majlis Bandaraya Subang Jaya, instagram : sjcitycouncil dan twitter : sjcitycouncil serta menggunakan *hashtag* #smartgenmbsjmerdekanyanyi2021.

b) Kuiz Komuniti Merdeka

Kuiz kemerdekaan ini adalah terbuka kepada seluruh komuniti di kawasan pentadbiran MBSJ. Lima pemenang yang cepat dan tepat akan dipilih pada setiap minggu. Hadiah berupa RM 100.00 menanti pemenang mingguan. Kuiz ini akan bermula pada minggu keempat bulan Ogos 2021 dan berakhir pada minggu ketiga bulan September 2021.

- viii) Datuk Bandar mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir secara dalam talian dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

**4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA  
SUBANG JAYA BIL. 7/2021**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2021 bertarikh 28 Julai 2021 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

**5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA  
SUBANG JAYA BIL. 7/2021**

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2021 bertarikh 28 Julai 2021 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

**6.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA  
SUBANG JAYA BIL. 8/2021**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2021 bertarikh 17 Ogos 2021 (Selasa) disahkan tanpa sebarang pindaan.

**7.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA  
SUBANG JAYA BIL. 8/2021**

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2021 bertarikh 17 Ogos 2021 (Selasa) disahkan tanpa sebarang pindaan.



## **8.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**

### **8.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 4/2021 bertarikh 5 Ogos 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### **8.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2021 bertarikh 30 Julai 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### **8.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 13/2021 bertarikh 11 Ogos 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

#### **8.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 7/2021 bertarikh 12 Ogos 2021**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

#### **8.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2021 bertarikh 13 Ogos 2021**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan dan pindaan seperti yang berikut :

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 3 (iii) & m/s 3	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Saluran Penerimaan Aduan	Beliau memohon penambahbaikan dari segi pemakluman maklumbalas kepada aduan dan mencadangkan penghantaran maklumbalas dibuat secara e-mel bagi penjimatan kertas dan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>kos pos.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Majlis menggunakan kaedah penghantaran maklumbalas secara e-mel. Kaedah surat hanya digunakan kepada pengadu yang tidak mempunyai e-mel sahaja.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>
2.	Para 3 & m/s 2	Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Laporan Penyelesaian Aduan	Beliau mencadangkan supaya Jabatan membuat penambahbaikan terhadap pelaporan aduan dengan memasukkan perbandingan antara tahun semasa dengan tahun sebelumnya.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan penambahbaikan tersebut.</p> <p><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</b></p>

**8.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2021 bertarikh 17 Ogos 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.4 & m/s 5	Encik Yap Kok Weng	Program vaksinasi Covid-19 di kalangan kakitangan Majlis	Beliau memohon penjelasan terhadap 10 orang kakitangan Majlis yang tidak bersetuju

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>untuk divaksin samada disebabkan oleh penyakit atau kakitangan tersebut anti vaksin.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa hanya 2 orang sahaja yang tidak setuju untuk divaksin, selebihnya disebabkan oleh faktor kesihatan. Perjumpaan bersama kakitangan tersebut telah dilaksanakan dan penjelasan telah dibuat tentang risiko yang akan dihadapi oleh mereka dan rakan sekerja serta komuniti.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Kesihatan</b></p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
2.	Para 4.6 & m/s 6	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Pemantauan kerja-kerja pembersihan di Jalan JKR	<p>Beliau memaklumkan bahawa, isu ini masih belum diselesaikan dan tahap kebersihan di jalan milik JKR kurang memuaskan. Beliau memohon Majlis memikirkan penyelesaian terhadap masalah ini.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat mencadangkan supaya tindakan dilaksanakan seperti yang berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Menghantar surat kepada Jurutera Daerah dan membuat salinan kepada semua pihak atasan yang terlibat.</li><li>ii) Menyalurkan isu tersebut kepada pejabat DUN serta</li></ul>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>membangkitkan isu dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah Petaling.</p> <p>iii) Mendapatkan maklumat terperinci jalan dan jadual pembersihan serta mengedarkan kepada semua Ahli Majlis untuk pemantauan bersama.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</b></p>
3.	Para 5.1 & m/s 7	Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Laporan Jabatan Kesihatan bagi bulan Julai 2021	Beliau memohon penjelasan berkenaan peruntukan RM 120,000.00 kepada Ahli Majlis bagi program kawalan denggi MPP.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memutuskan peruntukan RM 120,000.00 akan diagihkan kepada setiap Majlis Perwakilan Penduduk sebanyak RM 5,000.00. Majlis akan membuat pembelian aerosol dan abate serta akan diserahkan kepada Ahli Majlis untuk dilaksanakan edaran kepada penduduk. Majlis berharap program agihan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan mematuhi SOP yang ditetapkan.</p> <p><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Kesihatan</b></p>



<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
4.	Para 5.1 & m/s 7	Encik Wong Yii Seang dan Encik Mohan Singh a/ Surtar Singh	Laporan Jabatan Kesihatan bagi bulan Julai 2021	<p>Beliau memohon penjelasan berkaitan aktiviti fogging di kawasan penduduk adakah boleh dibuat permohonan.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa aktiviti fogging dilaksanakan berdasarkan data kes di lokasi tersebut. Walau bagaimanapun, Ahli Majlis boleh mengemukakan permohonan dan akan dinilai oleh pihak Jabatan.</p> <p><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Kesihatan</b></p>

## 9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.50 pagi.

Tarikh Disediakan : 30 Ogos 2021

**" SELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.

Setiausaha

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN),** S.I.S., P.P.T

Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN

### HADIR – DALAM TALIAN DI PEJABAT MASING-MASING

- |    |  |   |                         |
|----|--|---|-------------------------|
| 1. | TPr. Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Datuk Bandar                       | - | Pengerusi               |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Timbalan Datuk Bandar | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |

### HADIR - DALAM TALIAN DI KEDIAMAN MASING-MASING

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 3.  | Encik Yap Kok Weng                        | - | Ahli Majlis |
| 4.  | Encik M.Anbarasan A/L Murugesu            | - | "           |
| 5.  | Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - | "           |
| 6.  | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh        | - | "           |
| 7.  | Encik Chia Yew Ken                        | - | "           |
| 8.  | Encik Mehanatan a/l Embamurthi            | - | "           |
| 9.  | Encik Thomas Yew Sin                      | - | "           |
| 10. | Encik Thamilarusu a/l Sandayan            | - | "           |
| 11. | Encik Wong Yii Seang                      | - | "           |
| 12. | Puan Lee Jen Uyin                         | - | "           |
| 13. | Puan Ng Seow Chen                         | - | "           |

- |     |                                       |   |   |
|-----|---------------------------------------|---|---|
| 14. | Encik Thong Kim Fatt                  | - | " |
| 15. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim          | - | " |
| 16. | Encik Muhammad Khairil bin Khalid     | - | " |
| 17. | Encik Teh Eng Teck                    | - | " |
| 18. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin        | - | " |
| 19. | Puan Aniza binti Jamaludin            | - | " |
| 20. | Encik Mohd Syafiq bin Mohamad Norizan | - | " |
| 21. | Encik Kenneth Sam A/L Samintahan      | - | " |
| 22. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli       | - | " |
| 23. | Encik Mohamad Kamil bin Harun         | - | " |
| 24. | Encik Jaafar bin Mat Akid             | - | " |

**TURUT HADIR – DALAM TALIAN DI PEJABAT MASING-MASING**

25. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N , P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
26. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
27. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
28. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan

29. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
30. Sr. Aida binti Omar, MRISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
31. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
32. Ts Azura Binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
33. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
34. Encik Muhammad Azli Bin. Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
35. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
36. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N, P.J.K.  
Pengarah, Unit Audit Dalam
37. Sr Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
38. Encik Farid bin Ibrahim  
Pengarah, Jabatan OSC
39. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin  
Pengarah, Jabatan COB
40. Encik Afzarizal Bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
41. Puan Azlina Binti Mat Salim  
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap

42. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
43. TPr. Hazman bin Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
44. Sr. Mohd Faudzi bin Nazaruddin,<sup>MRISM</sup>  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
45. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

1. TPr Ismail bin Muhammad,<sup>A.I.S</sup>  
Pengarah, Perancangan Bandar
2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, <sup>A.M.N., A.M.S.</sup>  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

### **URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan